

ARAHAN KEPADA PENTENDER

1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima / Menolak Sebutharga

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi atau apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2.0 Cara-cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga

2.1 Penyediaan Sebutharga

Pentender adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya;

- a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh pentender dan saksinya.
- b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump Sum) kuantiti dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh pentender dan saksinya.
- c) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).
- d) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- e) Senarai Pengalaman Kerja.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Pentender hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga serta Tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.

- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Pentender boleh menghubungi **Bahagian Pembangunan Masyarakat, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor** untuk penjelasan lanjut.

3.0 Ringkasan Sebutharga

- 3.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

4.0 Tempoh Sah Sebutharga

Sebutharga ini sah selama 60 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Pentender tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Pentender menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh Sebutharga.